

24 MAR 1999

Mohamed-media

MOHAMED AKAN PANGGIL PENGURUS WILAYAH CNN MENGENAI SALAH LAPORAN

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Kementerian Penerangan akan meminta penjelasan daripada rangkaian televisyen kabel, CNN, mengenai laporan salah membabitkan kes perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menteri berkenaan Datuk Mohamed Rahmat berkata beliau akan memanggil pengarah wilayah CNN untuk menemuinya dan menerangkan mengenai salah laporan itu.

"Saya akan panggil pengarah wilayah CNN berjumpa saya dan bercakap mengenai perkara itu," katanya ketika diminta mengulas laporan muka depan sebuah akhbar hari ini mengenai laporan rangkaian TV itu membabitkan perbicaraan bekas timbalan perdana menteri berkenaan.

Mohamed berkata beliau mendapati pertubuhan media asing seperti merancang bersama untuk memburukkan Malaysia ke tahap seteruk mungkin supaya keyakinan terhadap Malaysia akan berkurangan.

"Mereka cuba melumpuhkan Malaysia... saya rasa ia merupakan rancangan bersama... kepada mereka selagi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih memegang jawatan Perdana Menteri, mereka akan berbuat apa sahaja yang boleh untuk memburukkan Perdana Menteri dan negara ini," katanya.

Mohamed mengingatkan media asing bahawa mereka di sini adalah atas ihsan kerajaan Malaysia dan tidak harus mengambil kesempatan dengan kebebasan yang diberikan itu untuk berbuat apa sahaja.

"Kita sudah memberikan mereka hak untuk membuat laporan dan apa yang sering kita minta ialah laporan yang adil... sudah tentu laporan seperti ini tidak adil dan tidak bertanggungjawab sama sekali," katanya.

Akhbar itu melaporkan bahawa CNN membuat laporan yang tidak tepat bahawa Hakim Datuk Augustine Paul telah mengambil tindakan menghina mahkamah ke atas kesemua sembilan peguambela dalam perbicaraan rasuah Anwar kerana keengganan mereka membuat penghujahan akhir kes itu.

Mohamed berkata kerana salah laporan yang berterusan mengenai Malaysia oleh media asing, adalah penting orang awam di Malaysia berwaspada dengan "motif jahat" itu.

"Kita mempunyai hak untuk menentukan masa depan kita dan kerajaan akan membuat apa yang betul untuk negara dan rakyat tidak kira apa yang dikatakan oleh media asing atau apa yang mereka mahu kita lakukan," katanya.

Menurutnya walaupun peranan untuk mengawasi media asing terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia mulai 1 April, beliau bagaimanapun akan turut memberikan pendapatnya kepada kementerian baru itu mengenai cara mengatasi masalah berkenaan.

Khususnya kepada CNN, Mohamed mengingatkan rangkaian itu supaya menghargai fakta bahawa "Kita adalah negara pertama di rantau ini yang membenarkan CNN beroperasi secara bebas ... kita berlaku adil kepada mereka dan mereka juga sepatutnya berlaku adil kepada kita."

Akhbar itu turut melaporkan bahawa CNN juga membuat laporan yang salah bahawa perbicaraan itu sudah berakhir sedangkan ia jelas sebaliknya.

Mohamed berada di Lapangan terbang Sultan Abdul Aziz di Subang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir yang berlepas ke Makkah untuk menunaikan haji.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Ibrahim Ali yang membidas laporan berkenaan berkata CNN harus meminta maaf mengenai perbuatan tidak bertanggungjawab itu.

"CNN sepatutnya meminta maaf terutama wartawan yang membuat laporan

itu," katanya ketika ditemui di lapangan terbang itu.

Ibrahim juga menyifatkan perbuatan itu sebagai bukti jelas cubaan media barat memburuk-burukkan imej baik sistem perundangan negara ini.

Menurutnya perbuatan seperti itu turut membuktikan bahawa media barat dalam usahanya memburukkan nama baik negara ini, sanggup berbuat apa sahaja termasuk membuat laporan yang tidak betul.

-- BERNAMA

MNY/ARA LAT RON